

TARIKH	30 / 9 / 2019	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	19	RUANGAN	Nasional

## 11 maktab jemaah lengkap kemudahan

**Makkah:** Tabung Haji mengutamakan aspek kebajikan dan perubatan bagi menentukan jemaah haji Malaysia dapat melaksanakan ibadat dengan sempurna tanpa tekanan.

Justeru semua 11 hotel yang dijadikan maktab penginapan jemaah haji dilengkapi dengan pelbagai kemudahan di bawah satu bumbung termasuk restoran, kedai dobi, gerai jualan dan bilik rehat.

Pengurus Maktab 88 pusat Tabung Haji di hotel Janadariah di sini, Mohd Haikal Mohd Yusof, berkata setiap maktab menempatkan 1,000 hingga 2,000 jemaah.

Beliau berkata Tabung Haji cuba mengurangkan tekanan dihadapi jemaah di samping berusaha untuk memudahkan urusan ibadat mereka di Tanah Suci.

"Kita sediakan dua perkhidmatan iaitu kebajikan dan perubatan. Bagi kebajikan, kita sediakan restoran yang ada menu Malaysia termasuk hidangan teh tarik.

"Kita juga ada kemudahan telefon untuk jemaah menghubungi keluarga serta perkhidmatan kaunseling yang terdiri kaunselor wanita dan kaunselor lelaki," katanya.

**BERNAMA**

